



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Subject Code & Name : **MPU3142 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2**
 Semester & Year : January – April 2017
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
**PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Tekst
 SOALAN 2 – Tatabahasa
 SOALAN 3 - Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

Total Number of pages = 12 (Including the cover page)

BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setiap hari Isnin hingga Jumaat, Gopal akan bangun tidur pada pukul enam pagi. Kemudian, dia akan pergi berjoging di sekitar taman perumahan. Selepas itu, Gopal akan membeli surat khabar di kedai Pak Tony. Surat khabar itu akan dibaca oleh Gopal di kampus ketika bersarapan dengan kawan-kawannya. Setiap hari, Gopal akan menaiki teksi untuk ke kelas. Kuliah Gopal akan bermula pada jam lapan pagi dan tamat pada jam lima petang. Gopal makan tengah hari di kafe. Kadang-kadang Gopal makan tengah hari di restoran mamak yang berdekatan. Pada pukul 5.30 petang, Gopal akan beriadah atau bersukan di pusat sukan universiti. Pada waktu malam, Gopal akan membuat tugas dan mengulang kaji pelajaran. Sebelum tidur, dia akan mendengar muzik, melayari Internet dan menonton televisyen. Begitulah kehidupan Gopal di universiti.

1. Berapa lamakah Gopal akan berada di universiti? **(2 markah)**
2. Di manakah Gopal akan membaca surat khabar? **(2 markah)**
3. Apakah kenderaan yang digunakan oleh Gopal untuk pergi ke kelas? **(2 markah)**
4. Apakah **EMPAT (4)** aktiviti yang dilakukan oleh Gopal selepas pukul 5.30 petang hingga ke malam? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Tempat percutian yang menarik di Malaysia begitu banyak. Saya suka pergi ke Pulau Pangkor. Di sana ada pantai, air laut yang bersih dan hidupan laut yang cantik. Pulau Pangkor juga ialah tempat bersejarah. Pulau Pangkor pernah menjadi kubu Belanda pada zaman dahulu. Para pelancong yang mahu ke Pulau Pangkor perlu menaiki feri dari jeti Lumut. Di Lumut, ada disediakan kemudahan parkir bagi yang memandu kenderaan sendiri. Selain itu, terdapat juga kemudahan pengangkutan awam seperti bas atau teksi. Seterusnya, pelancong perlu membeli tiket feri di jeti Lumut untuk ke Pulau Pangkor. Terdapat banyak feri yang beroperasi jam 6.30 pagi hingga jam 8.30 malam. Kadar tambang untuk orang dewasa ialah RM10.00 manakala kanak-kanak RM5.00. Perjalanan feri ke Pulau Pangkor ialah 45 minit. Apabila tiba di Pulau Pangkor, terdapat van atau teksi yang boleh membawa pelancong ke resort atau chalet penginapan. Pengunjung boleh menyewa basikal, motosikal atau kereta jika hendak melawat tempat menarik di Pulau Pangkor.

1. Apakah **TIGA (3)** keistimewaan yang ada di Pulau Pangkor? **(3 markah)**

2. Bagaimanakah caranya hendak ke Pulau Pangkor dari jeti Lumut? **(2 markah)**

3. Berapakah harga tiket untuk dua orang dewasa dan dua orang kanak-kanak?
(2 markah)

4. Apakah **TIGA (3)** kenderaan yang boleh digunakan untuk melawat Pulau Pangkor?
(3 markah)

SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)

a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini :

- I. memakai
- II. menulis
- III. menyapu
- IV. melancong
- V. menaiki

(10 markah)

(b) Terjemahkan ayat-ayat yang berikut ke bahasa Melayu.

- I. I have a storybook.
- II. The man has three sons.
- III. How many siblings do you have?
- IV. May I borrow your book?
- V. What is the price of the chicken rice?
- VI. What is your ambition?
- VII. Her hair is black.
- VIII. Are you from Vietnam?
- IX. I will return this book to Mr. Siva tonight.
- X. Melaka is a historical state in Malaysia.

(20 markah)

SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan mengenai aktiviti-aktiviti menarik di kolej kamu.

ATAU

2. Tuliskan sebuah cerita yang bertajuk 'Bapa Saya'.

(20 markah)

TAMAT